



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

POLITEKNIK
Tuanku Syed Sirajuddin

Jabatan Pengajian Politeknik

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin,
Pauh Putra, 02600 Arau,
Perlis

(Tel: 04-9886200 / ext: 6202/6204/1040
Fax: 04-9886300 / 04-9886204)

**BUKU PANDUAN
PENDAFTARAN PELAJAR BARU
SESI DISEMBER 2014**

ARAHAN:

Sila baca panduan ini dengan teliti dan ambil tindakan sewajarnya agar urusan pendaftaran dan lapor diri berjalan lancar.

ISI KANDUNGAN

Bahagian	Perkara	M/surat
	Isi Kandungan Panduan Mendaftar	
A MAKLUMAT PENDAFTARAN	A1. – Hari Pendaftaran A2. - Dokumen Yang Perlu Dibawa A3. - Maklumat Yuran A4. - Cara Membuat Bayaran Melalui Bank A5. - Jadual Yuran dan Bayaran Pendaftaran Pelajar Baharu A6. - Senarai Singkatan Nama Program A7. - Panduan & Kaedah Bayaran Yuran Pengajian dan Asrama di Bank Islam (BIMB) a)- Pembayaran Melalui Perbankan Internet b)- Pembayaran di Mesin ATM BIMB c)- Pembayaran Melalui Mesin Cash Deposit (CDM)	4 4 4 5 6 7 8
B MAKLUMAT PTSS	B1. - Latarbelakang Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) B2. - Panduan Lokasi dan Pengangkutan B3. - Kemudahan Penginapan (Asrama/ Kamsis) B4. - Keperluan Perbelanjaan dan Sara Hidup di Politeknik B5. - Peraturan Pakaian dan Rupa Diri Pelajar a) - Pakaian dan Rupidiri Pelajar Semasa Hari Pendaftaran b) - Pakaian dan Rupidiri Pelajar Politeknik c) - Jadual Bergambar Contoh Jenis Pakaian Yang Dibenarkan B6. - Hal-Hal lain a) - Peraturan dan Disiplin Pelajar b) - Program Laluan Kecemerlangan (PLK) Pelajar Baharu c) - Gambar Pelajar d) - Penginapan Ibumama & Penjaga Semasa Hari Pendaftaran	10 10 10 11 11 13
C MAKLUMAT PINJAMAN PENDIDIKAN	C1. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) C2. - Maklumat Penaja Pendidikan Lain C3. - Bantuan Kewangan Pelajar OKU (Orang Kurang Upaya)	15 15 15
D. PERTANYAAN	Soal Jawab	16

**PANDUAN MENDAFTAR BAGI PELAJAR BARU
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN, PERLIS
SESI DISEMBER 2014**

SEMAKAN KEPUTUSAN TAWARAN

Di <http://www.politeknik.edu.my>



**CETAK SURAT TAWARAN KE POLITEKNIK DAN
BORANG JAWAPAN TAWARAN (BJT)**



HANTARKAN DENGAN DOKUMEN BERIKUT KE PTSS
Surat Tawaran / Borang BJT / Salinan dokumen yang
dinyatakan dalam BJT (perlu disahkan)



**MUATURUN MAKLUMAT PENDAFTARAN
PELAJAR BARU SESI DISEMBER 2014**

Di <http://www.ptss.edu.my>

*Boleh dimuat turun bermula 3/11/2014



BAYAR YURAN DI BANK ISLAM (BIMB)

Yuran Pengajian

Yuran Asrama

Bayaran Pelbagai/Pendaftaran



DAFTAR SECARA ON-LINE

Selepas 24 jam bayaran dilakukan anda boleh
mendaftar secara online dalam sistem SPMP
di smp.ptss.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp

*Sistem pendaftaran online akan dibuka bermula
17/11/2014 hingga 23/11/2014



**CETAK SLIP PENGESAHAN SELEPAS
DAFTAR ONLINE**



HADIR KE PTSS UNTUK LAPORDIRI

Pelajar baru wajib hadir mendaftar pada 24 November 2014 (8.00 pg - 10.30 pg)

Bawa bersama Slip Pendaftaran Online, Borang HEP1-6 dan dokumen asal
serta lain-lain keperluan seperti dinyatakan dalam Buku Panduan Pendaftaran.

A: MAKLUMAT PENDAFTARAN PELAJAR

Sila baca maklumat berikut dengan teliti dan ambil tindakan yang sewajarnya agar proses pendaftaran anda dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya memulakan pengajian di Politeknik dengan selesa.

(Pendaftaran anda akan terganggu sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.)

A1. HARI PENDAFTARAN

Anda hendaklah hadir untuk mendaftar diri sebagai pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin seperti maklumat berikut:

Maklumat Pendaftaran	Pelajar Program Diploma
Tarikh	24 November 2014
Hari	Isnin
Masa	8.00 – 10.30 pagi
Tempat	Blok Asrama
Maklumat Pendaftaran	Pelajar Program Sijil Kemahiran Khas Hotel & Katering
Tarikh	24 November 2014
Hari	Isnin
Masa	8.00 – 10.30 pagi
Tempat	Bilik Mesyuarat, Pejabat Asrama
Maklumat Pendaftaran	Pelajar Program Pra Diploma
Tarikh	1 Disember 2014
Hari	Isnin
Masa	8.00 Pagi
Tempat	Pejabat, Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar

Penginapan - Semua pelajar baharu disediakan penempatan penginapan di Asrama Politeknik. Pihak Asrama tidak menyediakan Bantal untuk Pelajar. (rujuk B3 – Kemudahan Penginapan)

A2. DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA

Sila bawa semua dokumen asal seperti kad pengenalan, sijil SPM/Politeknik/Kolej komuniti, Borang-borang berkaitan yang telah lengkap seperti borang HEP1 – HEP6, borang asrama, Borang koperasi, gambar berukuran passport (5 keping), slip bayaran yuran-yuran berkaitan serta keperluan-keperluan lain yang dinyatakan dalam buku panduan pendaftaran atau perkara yang difikirkan perlu untuk di bawa.

PENTING :

Sekiranya kehilangan sijil **SPM/SPMV**, anda perlu mendapatkan salinan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Jika tidak, anda tidak dibenarkan mendaftar.

Bagi lulusan **Sijil Politeknik atau Kolej Komuniti**, sebarang kehilangan sijil/transkrip perlu dirujuk kepada Politeknik atau Kolej Komuniti yang mengeluarkan sijil/transkrip mereka.

PERINGATAN :

Jika anda tidak mengemukakan dokumen-dokumen **ASAL** dan tidak membuat pembayaran seperti yang dinyatakan maka pendaftaran anda **AKAN DITOLAK** dan **TIDAK DIBENARKAN MENDAFTAR**.

A3. MAKLUMAT YURAN

Semua pelajar **MESTI** membuat bayaran di bank berkenaan **sebelum datang mendaftar** pada hari pendaftaran. Pembayaran di kaunter pendaftaran secara tunai pada hari pendaftaran tidak akan diterima.

(a) Maklumat Am Pembayaran

- a. Pelajar perlu membuat **TIGA (3)** jenis bayaran iaitu:
 - Bayaran 1 (Yuran Pengajian)
 - Bayaran 2 (Yuran Asrama)
 - Bayaran 3 (Bayaran Pendaftaran)
- b. Walaupun bayaran dibuat di bank yang sama, **setiap pembayaran perlu dibuat dalam slip yang berasingan**. Ini untuk memudahkan urusan semasa penyemakan dan penyimpanan dokumen di dalam fail peribadi pelajar nanti.
- c. Slip bayaran bank yang telah dibuat perlu dibawa untuk ditunjukkan semasa pendaftaran nanti. **Sila catatkan nama, no kad pengenalan dan nama Program di setiap Slip Bank anda**. Anda dinasihatkan untuk membuat satu salinan fotostat bagi simpanan sendiri.
- d. Calon tidak boleh didaftarkan sebagai pelajar politeknik sekiranya gagal menunjukkan resit pembayaran yang telah dibuat pada hari pendaftaran. Semua Bayaran 1, 2 dan 3 perlu dibuat di bank berkenaan **sebelum hari pendaftaran sebenar**.
- e. Pelajar yang mendapat tajaan/pembiayaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta **DIMESTIKAN** membawa bersama surat pengesahan penajaan semasa mendaftar. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja ataupun dalam proses permohonan kepada penaja hendaklah dijelaskan oleh calon sebelum hari pendaftaran. Sekiranya tajaan/pembiayaan sebahagian sahaja, calon perlu menjelaskan dahulu yuran pengajian dan yuran asrama.

(b) Pengembalian Wang Yuran (Pelajar Tidak Melapor Diri)

Bagi calon yang telah membuat pembayaran yuran tetapi **tidak melapor diri** pada hari pendaftaran, anda boleh mendapatkan semula wang tersebut dengan mengemukakan surat permohonan ke alamat berikut:

Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
02600 Arau
Perlis
(U/P: Jabatan Hal Ehwal Pelajar)

Dokumen yang diperlukan adalah:

- i) Surat permohonan pembayaran balik yuran yang ditandatangani oleh calon sendiri
- ii) Salinan kad pengenalan calon
- iii) Resit/slip bayaran (asal)
- iv) Salinan buku akaun bank/ slip maklumat akaun bank

Sila ambil perhatian bahawa permohonan tersebut **mestilah dikemukakan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pendaftaran**. Permohonan yang lewat tidak akan dilayan. Semua pengembalian bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun calon.

A4. CARA MEMBUAT BAYARAN BERKAITAN PENDAFTARAN PELAJAR

JENIS BAYARAN	Bayaran 1 & Bayaran 2 (Yuran Pengajian & Yuran Asrama)	Bayaran 3 (Bayaran Pelbagai/Pendaftaran)
CARA BAYARAN	Bayaran hendaklah di buat di Bank Islam (BIMB) atas nama "POLITEKNIK KPT" (No akaun tidak diperlukan) (Rujuk bahagian "KAEDAH MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN/ASRAMA)	Bank-in ke dalam akaun no. 090100 100431 55 atas nama "Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Bhd" di Bank Islam (BIMB) (buat dalam slip bank yang berasingan)

A5. JADUAL YURAN DAN BAYARAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2014

- SEMUA PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA
- PELAJAR BAHARU PROGRAM SIJIL KEMAHIRAN KHAS (KHK)

JABATAN	PROGRAM	AKAUN POLITEKNIK KPT		AKAUN KOPERASI
		1	2	3
		YURAN PENGAJIAN	YURAN ASRAMA	BAYARAN PENDAFTARAN
Semua	Diploma (6 Semester)	RM200.00	RM60.00	RM600.00
	Diploma/Sijil Khas (4 Semester)	RM200.00	RM60.00	RM500.00
	Pra-Diploma (1 Semester)	-	-	-

MAKLUMAN:

- **PELAJAR PRA DIPLOMA TIDAK PERLU MEMBUAT APA-APA BAYARAN DAN TIDAK PERLU MENDAFTAR SECARA ONLINE.**
- **SEMUA PELAJAR SEMESTER 1 DI TAWARKAN ASRAMA.**

* MAKLUMAN:

1. BAYARAN PENDAFTARAN.

- Bayaran Pelbagai Pelajar Baru – (bayaran tidak berulang)

Bayaran untuk pelbagai keperluan (Minggu Suai Kenal) MSK, peralatan pelajar baru, insurans, kad pelajar, yuran koperasi dan yuran aktiviti pelajar (ko-kurikulum, j/kuasa perwakilan pelajar, kebajikan, peperiksaan, aktiviti anjuran jabatan /unit).

2. BAYARAN KHAS PROGRAM - (mengikut keperluan program)

- Pelajar **dinasihatkan untuk bersedia** dengan lain-lain bayaran khas kursus (mengikuti keperluan) yang diperlukan bagi membiayai projek / tugas / peralatan khas kursus masing-masing sepanjang pengajian.

A6.SENARAI SINGKATAN NAMA PROGRAM

DKM	Diploma Kej. Mekanikal	DUP	Diploma Pengurusan Pelancongan
QKM	Diploma Kej. Mekanikal (4 sem)	DEV	Diploma Pengurusan Acara
DTK	Diploma Kej. Elektronik - Komputer	DHF	Diploma Perkhidmatan Makanan - Amalan Halal
DOE	Diploma Kejuruteraan Elektronik - Optoelektronik	KHK	Sijil Kemahiran Khas Politeknik - Hotel & Katering
DEP	Diploma Kejuruteraan Elektronik - Komunikasi	BHK / QHK	Diploma Pengurusan Hotel & Katering (4 semester)
DPM	Diploma Pengajian Perniagaan	BPM	Diploma Pengajian Perniagaan (4 semester)
DAT	Diploma Akauntansi	DNS	Diploma Teknologi Maklumat - Rangkaian
DSK	Diploma Sains Kesetiausahaan	DIP	Diploma Teknologi Maklumat - Pengaturcaraan
DDS	Diploma Seni Digital	DHI	Diploma Teknologi Maklumat - Game Technology
DDV	Diploma Pengajian Video & Filem	BNS	Diploma Teknologi Maklumat - Rangkaian (4 semester)
BDV	Diploma Pengajian Video & Filem (4 sem)	BIP / QIP	Diploma Teknologi Maklumat - Pengaturcaraan (4 semester)
DHK	Diploma Pengurusan Hotel & Katering	BUP	Diploma Pengurusan Pelancongan (4 semester)
EHK	Diploma Pengurusan Hotel & Katering (6 semester)	EUP	Diploma Pengurusan Pelancongan (6 semester)
IPP	Pra Diploma Perdagangan (1 Semester)		

Nota:

- i Semua program diploma – tempoh pengajian adalah 6 semester kecuali dinyatakan dalam surat tawaran.
- ii Kod program Q (lulusan sijil politeknik) , B (lulusan Kolej Komuniti) – tempoh pengajian 4 semester
- iii Kod program E (lulusan Kolej Komuniti-Modular) – tempoh pengajian 6 semester
- iv Sebarang perubahan tempoh pengajian – sila rujuk surat tawaran.

A7. PANDUAN & KAEDAH MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN/ASRAMA DI BANK ISLAM (BIMB) (untuk yuran pengajian dan yuran asrama)

KAEDAH PEMBAYARAN

A PERBANKAN INTERNET**

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih "Bill Presentment" pada bahagian "Bill Payment".
5. Pilih **POLITEKNIK KPT** pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik "next"
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik "pay"
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan and sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik "pay"
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan..
10. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
11. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.

B MESIN ATM BANK ISLAM**

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit)
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil Resit

C MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil Resit

- **BAYARAN PENDAFTARAN HENDAKLAH DILAKUKAN DI KAUNTER BANK ISLAM MENGGUNAKAN NO AKAUN YANG TELAH DIBERI.**
- **CAJ PERKHIDMATAN AKAN DIKENAKAN OLEH PIHAK BANK ATAS PEMBAYARAN YANG DILAKUKAN DI KAUNTER.**
- **SILA LAYARI smp.ptss.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp UNTUK CAPAIAN KE LAMAN WEB PENDAFTARAN ONLINE.**
- **PENDAFTARAN ONLINE HANYA AKAN DI BUKA BERMULA 17/11/2014 HINGGA 23/11/2014.**
- **CALON PELAJAR PROGRAM PRA DIPLOMA DAN PROGRAM SIJIL KHAS POLITEKNIK TIDAK PERLU MEMBUAT PENDAFTARAN ONLINE. PENDAFTARAN ANDA AKAN DILAKUKAN SEMASA HARI PENDAFTARAN DI POLITEKNIK.**
- **PENDAFTARAN ONLINE HANYA BOLEH DI LAKUKAN SEKURANG-KURANGNYA SELEPAS 24 JAM PEMBAYARAN YURAN DI JELASKAN.**
- **PASTIKAN CALON PELAJAR MEMBUAT SALINAN BAGI SETIAP SLIP PEMBAYARAN YANG DILAKUKAN.**

Nota: **Hanya untuk mereka yang memiliki akaun di BIMB sahaja.

B: MAKLUMAT PTSS

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) merupakan sebuah politeknik di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang ke-18 ditubuhkan. Pada awalnya, politeknik ini dikenali sebagai Politeknik Perlis dan mula beroperasi dengan kemasukan staf pertama pada 16 Mei 2003 menggunakan pejabat sementara di Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Jitra, Kedah. Kampus tetap ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2004. Pada 22 Mei 2006, Politeknik Perlis telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin. Semenjak daripada itu, nama Politeknik Perlis dengan rasminya ditukar kepada Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Kampus PTSS terletak dalam kawasan Pauh Putra dengan pekan terdekatnya ialah Arau iaitu sejauh 9 km. Kampus ini juga terletak bersempadan dengan Negeri Kedah iaitu kira-kira 10 km dari pekan terdekat Changlun. Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin boleh dikunjungi dengan mudah menggunakan Lebuhraya Kuala Perlis – Changlun.

B2. PANDUAN LOKASI DAN PENGANGKUTAN

Maklumat lokasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin boleh dirujuk di lampiran atau anda boleh melayari laman web www.ptss.edu.my

B3. KEMUDAHAN PENGINAPAN (ASRAMA/KAMSIS)

Bagi memastikan para pelajar baharu dapat menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran di politeknik, mereka **DIWAJIBKAN** untuk tinggal di asrama yang disediakan. Manakala bagi pelajar senior semester 2 dan keatas, mereka yang ingin kemudahan penginapan asrama perlu membuat permohonan pada setiap hujung semester. Tawaran penginapan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat dan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan asrama.

Untuk keselesaan pelajar baharu tinggal di kamsis politeknik, barangan-berangan berikut **perlu disediakan sendiri**:

- Bantal
- 1 helai selimut.
- 1 set sarung bantal dan cadar.
- 1 pasang lengkap Baju Melayu (warna bebas) – siswa Muslim.
- 1 pasang Baju Kurung (warna bebas) – siswi Muslim.
- Songkok berwarna hitam – siswa Muslim.
- Tudung – siswi Muslim.
- Kasut ke kuliah dan kasut sukan.
- **Pakaian harian secukupnya untuk ke kuliah. Sila rujuk perkara B5 – Peraturan Pakaian dan Rupadiri di muka surat selanjutnya.**
- Barang kemas tidak digalakkan.

Kedai Koperasi Politeknik (mini market) ada menjual semua keperluan para pelajar meliputi keperluan peribadi (seperti baldi, berus & ubat gigi, sabun mandi dan lain-lain) dan keperluan untuk ke kuliah (seperti alatulis, kalkulator saintifik dan lain-lain). Pelajar boleh mendapatkan segala keperluan mereka di situ dan harga barangan yang dikenakan adalah pada kadar yang berpatutan.

B4. KEPERLUAN PERBELANJAAN DAN SARA HIDUP DI POLITEKNIK

Pelajar perlu menanggung sendiri perbelanjaan seharian mereka semasa mengikuti pengajian di Politeknik. Antara kos yang terlibat termasuklah perbelanjaan makan dan minum seharian, keperluan pembelajaran seperti buku nota, alatulis & fotostat dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon pinjaman/biasiswa pendidikan daripada senarai penaja pinjaman yang bersedia memberi kemudahan tersebut. Perkara tersebut akan diuruskan oleh pihak Politeknik selepas pelajar mendaftar. Namun begitu, pelajar bolehlah melayari www.ptss.edu.my untuk mengetahui maklumat penaja pinjaman/biasiswa yang tersenarai.

B5. PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI PELAJAR

Semua pelajar adalah tertakluk kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976 (Akta 174) dan pindaan-pindaannya serta semua peraturan bertulis di Politeknik. Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar beragama Islam) dan sopan seperti pakaian ke pejabat. Semua jenis pakaian yang menjolok mata adalah dilarang. Pelajar lelaki mesti berambut pendek dan tidak dibenarkan memakai sebarang barangan kemas.

Peraturan-peraturan ini perlulah diikuti oleh semua pelajar pada hari pendaftaran nanti dan juga di sepanjang pengajian di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Berikut adalah pakaian dan rupadiri yang dibenarkan dan peraturan rambut sepanjang masa sebagai pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Pelajar yang melanggar akta/peraturan yang ditetapkan oleh politeknik boleh dikenakan tindakan disiplin atau denda seperti yang termaktub di dalam Akta 174.

a). Pakaian dan Rupadiri Pelajar Semasa Hari Pendaftaran

JANTINA PELAJAR	PERKARA
Pelajar Lelaki	<ul style="list-style-type: none">○ Baju Kemeja dan bertali leher.○ Seluar panjang (slack-berwarna hitam).○ Kasut kulit (warna gelap).○ Rambut pendek, kemas dan tidak diwarnakan.
Pelajar Perempuan	<ul style="list-style-type: none">○ Baju kurung ATAU blouse dan berkain labuh.○ Kain/skirt labuh berwarna hitam (di pakai pada majlis perasmian)○ Bertudung (bagi muslim)○ Pakaian mestilah sopan di mana ianya tidak ketat dan labuh.○ Kasut kulit (warna gelap).

b). Pakaian dan Rupadiri Pelajar Politeknik

PERKARA	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
a) Pakaian - ke kuliah (semua pelajar)	<ul style="list-style-type: none">○ Kemeja lengan panjang/pendek.○ Tali leher (pilihan).○ Seluar panjang (slack) yang tidak ketat.○ Seluar jeans / ketat dilarang.	<ul style="list-style-type: none">○ Baju kurung/Blouse○ Kain/Maxi/Skirt labuh & longgar○ Seluar panjang (slack) yang tidak ketat○ Seluar jeans / ketat dilarang.

b) Pakaian - ke bengkel (Pelajar Kejuruteraan)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kemeja lengan panjang/pendek. ○ Baju T berkolar. ○ Seluar panjang (slack). ○ Seluar jeans / ketat dilarang. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Baju kurung/Blouse ○ Kain/Maxi/Skirt labuh dan longgar. ○ Seluar panjang (slack). ○ Seluar jeans/ketat/jarang dilarang.
c) Kasut	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kasut yang sesuai dan berstokin (kulit/kain/sukan). ○ Selipar, terompah, capal, selipar dan sebagainya adalah dilarang. ○ Kasut Keselamatan / safety boots (wajib bagi pelajar Kejuruteraan Mekanikal) - boleh diperolehi di kedai hardware. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kasut yang sesuai dan berstokin (kulit/kain/sukan). ○ Selipar, terompah, capal, selipar dan sebagainya adalah dilarang. ○ Kasut Keselamatan / safety boots (wajib bagi pelajar Kejuruteraan Mekanikal) - boleh diperolehi di kedai hardware.
d) Rambut	<ul style="list-style-type: none"> ○ Pendek, kemas dan tidak diwarnakan. ○ Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju. ○ Aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga. ○ Aras depan tidak melebihi dahi ○ Tidak botak kecuali syariat agama 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kemas dan beridentitikan pelajar perempuan. ○ Pelajar Islam dimestikan bertudung seperti syariat agama. ○ Tidak mewarnakan rambut.
e) Perhiasan	<ul style="list-style-type: none"> ○ Sebarang bentuk perhiasan adalah dilarang kecuali cincin daripada bahan bukan emas. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tidak digalakkan memakai barang kemas. ○ Dilarang mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan.

c). Jadual Bergambar Contoh Jenis Pakaian Yang Dibenarkan

Jenis Pakaian Yang Dibenarkan (Pakaian Hendaklah Sentiasa Kemas)

PELAJAR LELAKI		
		
Baju Jenis T-Shirt Berkolar Dan Berlengan Pendek	Baju Kemeja Berlengan Pendek/Panjang Dan Bertali Leher/Tidak Bertali Leher	Baju Melayu (Lengkap)

RAMBUT YANG KEMAS DAN PENDEK		RAMBUT YANG TIDAK KEMAS (kesalahan yang boleh dikenakan denda)	
			
Rambut Tidak Menutupi Telinga	Rambut Tidak Menutupi Dahi	Rambut Menutupi Dahi	Rambut Melebihi Kolar Baju
PELAJAR PEREMPUAN			
			
Pakaian Tradisional Yang Dibenarkan	Baju Blouse / Kemeja Lengan Panjang Dan Berkain Labuh	Baju Kurung / Kebaya Labuh	

B6. HAL-HAL LAIN

a) Peraturan dan Disiplin Pelajar

Selepas selesai mendaftar, pelajar secara rasminya tertakluk kepada peraturan disiplin politeknik termasuk peraturan asrama (bagi pelajar yang tinggal di asrama). Kegagalan mematuhi peraturan disiplin ini boleh mengakibatkan pelajar dikenakan tindakan denda, disekat daripada menggunakan kemudahan politeknik, digantung pengajian atau diberhentikan pengajian. Pelajar dipohon agar sentiasa mematuhi peraturan dan disiplin sepanjang masa bergelar pelajar politeknik. **Peringatan: Pelajar bertanggungjawab menjaga nama baik politeknik sepanjang masa dan wajib mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa termasuk Akta 174 sepanjang masa samada di dalam kampus atau di luar kampus.**

b) Program Laluan Kecemerlangan (PLK) Pelajar Baharu

Semua pelajar baharu **WAJIB** mengikuti Program Laluan Kecemerlangan (PLK) Pelajar Baharu selepas mereka mendaftar. Sila rujuk aturcara program seperti yang terdapat di dalam buku program yang akan diedarkan pada hari pendaftaran nanti.

c) Gambar Pelajar

Sediakan 5 keping gambar warna terbaharu anda yang bersaiz pasport atau kad pengenalan untuk dibawa pada hari pendaftaran nanti. Sila catatkan nama penuh dan program anda di belakang setiap gambar. **Panduan gambar adalah seperti berikut:**

- Pelajar lelaki hendaklah berbaju kemeja & bertali leher serta berambut pendek dan tidak diwarnakan.
- Pelajar perempuan hendaklah berbaju kurung atau blouse. Bagi pelajar Perempuan Islam hendaklah bertudung.

d) Penginapan Ibumama & Penjaga Semasa Hari Pendaftaran

Penginapan untuk ibumama dan penjaga yang datang menghantar pelajar pada hari pendaftaran perlu diuruskan sendiri.

Berikut adalah maklumat penginapan yang terdapat di sekitar PTSS:

PAUH INN – EDUCATIONAL TRAINING CENTER Di PTSS 04-988 6259 Manager on Duty		
Jenis Bilik	Harga Standard	
1. Suite	RM150.00	
2. Triple	RM130.00	
3. Double	RM80.00	
4. Single	RM60.00	
5. Apartment (3 bilik)	RM 160.00	

Selain itu, terdapat beberapa hotel di sekitar kampus politeknik iaitu :

ARAU, PERLIS (ANGGARAN 10 KM)	TELEFON
Metro Inn	04-9866555/ 04 - 9861001
Sooguan Villa	04-9772250
Motel Arau	04-9869928
MLC Motel	012-5468927

KANGAR, PERLIS (ANGGARAN 20 KM)	TELEFON
Hotel Putra Palace	04-9767755
Hotel Federal	04-9766288
Hotel Kayangan Inn	04-9768121
Hotel Sri Garden	04-9773188
Hotel Darul Farah	04-9763903
Saloma Villa Homestay & Roomstay	04-9782230 / 017-5017476

KUALA PERLIS, PERLIS (ANGGARAN 27 KM)	TELEFON
Hotel Putra Brasmana	04-9855900
Hotel T Kuala Perlis	04-9853888
Hotel Q, Kuala Perlis	012-5876054/04-985 1770

SINTOK, KEDAH (ANGGARAN 20 KM)	TELEFON
Hotel EDC-UUM	04-9288888

JITRA & CHANGLUN, KEDAH (ANGGARAN 15 KM)	TELEFON
Hotel Changlun Inn	019-4084988
Hotel T Changlun	04-9248888
Seri Kedah Gardeniaa Resort	04-9161977 / 04-9172381

PADANG BESAR, PERLIS (ANGGARAN 30 KM)	TELEFON
Tasoh Lake Resort and Retreat	04-9387186

C: MAKLUMAT PINJAMAN PENDIDIKAN

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin **TIDAK** menyediakan biasiswa atau sebarang bantuan kewangan. Oleh yang demikian, pelajar hendaklah memohon sendiri untuk mendapatkan biasiswa/pinjaman/bantuan kewangan daripada penaja berkenaan. Pelajar boleh merujuk iklan dari penaja yang ditampal di papan notis Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Seorang pelajar hanya dibenarkan menerima **SATU** tajaan sahaja sepanjang tempoh pengajian di PTSS. Pelajar dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar jika ditawarkan lebih daripada satu penajaan.

C1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Taraf : Pinjaman Pendidikan (Setahun RM5,000 – Pinjaman Penuh)

Pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan pinjaman pendidikan untuk pelajar-pelajar politeknik yang mengikuti program Diploma. Untuk keterangan lanjut mengenai permohonan pinjaman ini, sila layari laman web www.ptptn.gov.my.

****Permohonan mesti dibuat secara online sebelum datang mendaftar ke politeknik. Semua pemohon mesti membuka akaun SSPN (minima RM20.00) sebelum memohon pinjaman.**

Walaupun permohonan dibuat secara online, serahan salinan dokumen yang berkaitan akan dilakukan secara berkelompok di PTSS pada satu tarikh yang akan ditetapkan. Sehubungan itu, bagi memastikan semua permohonan dapat diproses dengan lancar, sila bawa bersama **salinan dokumen-dokumen terbabit** pada hari pendaftaran di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin nanti.

Perhatian: Semua salinan dokumen-dokumen terbabit hendaklah dibawa ke politeknik dan disahkan oleh pensyarah atau penasihat akademik masing-masing.

1. Satu salinan kad pengenalan pelajar.
2. Satu salinan kad pengenalan ibu/bapa/penjaga.
3. Satu salinan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
4. Satu salinan surat tawaran kemasukan ke politeknik.
5. Satu salinan penyata maklumat nombor akaun Bank Islam (M) Berhad (BIMB).
6. Satu salinan penyata pendapatan ibu/bapa/penjaga iaitu:
 - a. Slip gaji terkini (yang bermajikan) atau Borang J (yang tiada bermajikan) atau
 - b. Surat pengesahan pendapatan bagi yang tidak mempunyai slip gaji atau Borang J atau yang bekerja sendiri.
7. Surat kelulusan cuti belajar dan akaun Ketua Jabatan jika kakitangan kerajaan.
8. Satu salinan sijil kematian ibu/bapa (sekiranya berkaitan)

C2. Maklumat Penaja Pinjaman Pendidikan Lain

Selain daripada PTPTN sebagai penaja utama pinjaman pendidikan, pelajar-pelajar juga boleh memohon pinjaman/biasiswa pendidikan dari pelbagai pihak seperti :

- badan-badan berkanun meliputi agensi kerajaan persekutuan (contoh JPA, JHEOA)
- kerajaan negeri (contoh Yayasan Selangor, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah)
- syarikat-syarikat swasta (contoh Kuok Foundation, Golden Hope Plantation)

Penawaran tajaan ini adalah dalam bilangan yang terhad. Para pelajar bolehlah berusaha sendiri mendapatkan mana-mana penajaan lain atau menghubungi terus mana-mana penaja pinjaman pendidikan yang berkaitan atau boleh juga menghubungi pegawai biasiswa Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin untuk maklumat lanjut. Maklumat berkaitan penaja pinjaman pendidikan juga boleh diperolehi di laman web www.ptss.edu.my.

C3. Bantuan Kewangan Pelajar OKU (Orang Kurang Upaya)

Pihak KPT telah menyediakan kemudahan bantuan kewangan dengan kadar sebanyak RM300.00 sebulan kepada semua pelajar OKU di politeknik. Ianya meliputi kemasukan pelajar bagi:

- Program Sijil Kemahiran Hotel & Katering (Lulusan Sekolah Pendidikan Khas)
- Program Diploma (Lulusan SPM)

Semua pelajar OKU boleh mengemukakan permohonan bantuan kewangan ini di politeknik

dengan menyertakan dokumen seperti berikut:

- Salinan Kad Pengenalan pelajar
- Salinan Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- Salinan Kad Matrik pelajar
- Salinan no. akaun Bank CIMB
- Salinan surat tawaran pengajian

Pembayaran dibuat secara sekaligus pada setiap semester dan akan dikreditkan terus ke akaun pelajar.

D: SOAL DAN JAWAB

1. Adakah politeknik menawarkan program sijil?

Tidak. Politeknik hanya menawarkan program diploma dan diploma lanjutan sahaja.

2. Bagaimana pelajar politeknik mendapatkan sumber pembiayaan pendidikan?

Pemohonan pembiayaan pendidikan (pinjaman/basiswa) boleh dibuat terus oleh pelajar kepada pihak yang menawarkan. Permohonan boleh dibuat secara on-line atau melalui borang yang boleh di perolehi melalui iklan / hebahan dalam surat khabar, web PTSS atau JHEP.

Antara pihak yang menawarkan pinjaman pendidikan adalah seperti berikut:-

- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)*
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)*
- Yayasan Kerajaan Negeri*
- MARA*
- Pihak Swasta – Kuok Foundation dll*

3. Bolehkan calon pelajar memohon pertukaran politeknik / program sebelum kemasukan ke politeknik?

*Tawaran kemasukan ke politeknik adalah **MUKTAMAD** (rujuk surat tawaran). Calon berhak menerima atau menolak tawaran ini. Bagaimana pun sekiranya masih ingin membuat rayuan (sebelum pendaftaran) sila kemukakan terus ke Bahagian Pengambilan Pelajar di Jabatan Pengajian Politeknik KPM di Putrajaya (rujuk www.politeknik.edu.my).*

4. Apakah kemudahan yang ada di PTSS?

Kemudahan Pengajian	Kemudahan lain
a. Dewan & Bilik Kuliah	a. Pusat Islam / Masjid
b. Dewan Serbaguna	b. Kafeteria
c. Unit Multimedia dan Pembangunan Instruksional	c. Pusat Sukan
d. Perpustakaan	d. Pusat Rekreasi Air
e. Kampus Wi-Fi	e. Kamsis (penginapan pelajar)
f. Pusat Keusahawanan	f. Hotel Pauh INN
g. Studio Pembelajaran	g. Kolam Renang
h. Bengkel / makmal komputer	h. Kedai Koperasi & siber cafe
i. Simulasi Pejabat	i. Mesin ATM - BIMB
	j. Pengangkutan awam - bas / taksi (PTSS – Kangar).
	k. Kedai / Kios Keusahawanan (saloon, bakery, fotografi, komputer dll)

5. Sekiranya pelajar mengalami masalah dalam pembelajaran dan masalah peribadi di manakah mereka boleh merujuk dan mendapat khidmat nasihat?

Pelajar boleh memohon bantuan daripada mana-mana pihak yang berikut:

- Pensyarah Kursus / Penasihat Akademik / Ketua Program / Ketua Jabatan*
- Pegawai Kaunselor (Unit Kaunseling)*
- Warden Asrama*
- Jabatan Hal Ehwal Pelajar.*

6. Adakah pelajar baharu perlu mengikuti Minggu Suaikenal?

*Semua pelajar baharu **DIWAJIBKAN** mengikut minggu suaikenal atau dikenali dengan nama Program Laluan Kecemerlangan (PLK) di PTSS*

7. Adakah pelajar-pelajar dijamin mendapat penginapan asrama setiap semester?

Pada hujung semester semua pelajar dikehendaki memohon untuk menduduki asrama. Keutamaan akan diberikan kepada pelajar semester 1, pelajar perempuan dan pelajar lelaki yang aktif dalam aktiviti ko kurikulum dan tiada masalah disiplin.

8. Bagaimana ibu bapa/waris boleh melawat pelajar.

*Ibu bapa/waris boleh melawat pelajar bila-bila masa asalkan tidak mengganggu pembelajaran dan perlu mematuhi **peraturan lawatan** yang ditetapkan serta melapor diri pada pengawal keselamatan yang bertugas.*

9. Bilakah pelajar-pelajar asrama dibenarkan keluar / pulang ke rumah.

*Pelajar asrama perlu memohon kebenaran warden untuk menginap di luar asrama (balik kampung) pada hujung minggu sahaja. Bagaimanapun **pelajar perlu peka dan mamatuhi peraturan / arahan-arahan berhubung kebenaran keluar masuk asrama atau balik kampung**. Ini bagi memastikan keselamatan semua pelajar dan bagi mengelakkan dari dikenakan tindakan disiplin.*

10. Bolehkah pelajar asrama membawa kenderaan ke politeknik?

*Pelajar dibenarkan membawa kenderaan dengan syarat mematuhi peraturan lalulintas di PTSS di mana kenderaan hendaklah didaftarkan di JHEP. **Pelajar perlu mematuhi peraturan dan arahan meletak kenderaan setiap masa. Keselamatan kenderaan adalah tanggungjawab pelajar**. Kegagalan mematuhi peraturan lalulintas boleh dikenakan denda terus tidak melebihi RM100 bagi setiap kesalahan dan boleh menjejaskan peluang menduduki asrama pada semester berikutnya.*

11. Sekiranya ibubapa / waris mempunyai persoalan / pertanyaan, siapakah pihak yang harus dihubungi?

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, 02600 Arau Perlis	
Tel: 04-9886200 Faks: 04-9886300	
Website: http://www.ptss.edu.my	
Jabatan / Unit / Pegawai	Ext:
Pejabat Pengarah	6212
Timbalan Pengarah Akademik	6292
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik	6222
Pejabat Perhubungan Awam PTSS (PRO)	6228
Pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP)	6206/ 6207 / 1049
Ketua Jabatan HEP	6202
Pegawai HEP (Pendaftaran Pelajar)	6204 / 1040
Pegawai HEP (Pinjaman/Biasiswa)	6209
Pegawai HEP (Disiplin & J/K Perwakilan Pelajar)	6203
Pegawai HEP (Kebajikan & Insurans)	1041
Pejabat Unit Kediaman Kolej/Asrama	6356

Unit Kaunseling	6208 / 6205 / 1051
Unit Peperiksaan	6386 / 1030 / 6388
Unit Latihan Industri	6278 / 6279
Unit Kebudayaan, Sukan dan Ko-Kurikulum	6344 / 1988
Ketua-ketua Jabatan Akademik:	
Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	6288
Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	6233
Ketua Jabatan Perdagangan (JPG)	6255
Ketua Jabatan Pelancongan & Hospitaliti (JPH)	6266
Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK)	6299
Ketua Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV)	6366

****Ibubapa / waris dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat / No Telefon Penasihat Akademik para pelajar.***

12. Di manakah sebenarnya Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis ini berada.

**PETA TUNJUK ARAH
KE POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN,**





KPT
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK
Tuanku Syed Sirajuddin
Jabatan Pengajian Politeknik



GAMBAR
TERKINI UKURAN
KAD PENGENALAN

PERMOHONAN KEDIAMAN PELAJAR
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
SESI TAHUN.....

BAHAGIAN A : Maklumat Pemohon

Nama Pelajar :			
No. Pendaftaran	18 <i>(Diisi semasa mendaftar)</i>	No. K/P :	
Semester	Jantina	No. Bilik:	<i>(Diisi semasa mendaftar)</i>
Alamat Tetap :			
No. Tel (R) :		No.Tel (HP):	
Pekerjaan Ibu :		Pendapatan Ibu:	RM
Pekerjaan Bapa / Penjaga:		Pendapatan Bapa / Penjaga:	RM
Bil. Tanggungan	orang	Jarak Rumah dari Politeknik (km):	

Nota: Sertakan salinan slip gaji yang disahkan / pengesahan pendapatan (bekerja sendiri) yang terkini.

PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan dalam borang ini adalah benar. Permohonan ini terbatal jika sekiranya terdapat maklumat palsu. Saya berjanji untuk mematuhi segala peraturan kolej kediaman pelajar sekiranya permohonan saya berjaya.

.....
(Tandatangan Pelajar)

.....
Tarikh

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT:

Keputusan:	Ulasan:	Tandatangan:
<input type="checkbox"/> Berjaya		
<input type="checkbox"/> Gagal		
<input type="checkbox"/> Simpanan		
		(Ketua Warden / Warden)

BORANG SENARAI INVENTORI BILIK KEDIAMAN PELAJAR (CHECK-IN)
SESI..... TAHUN.....
BLOK: NO. BILIK:

Dengan ini saya.....

No. Pendaftaran **18**..... mengaku menerima perkara di bawah dalam keadaan baik.

Bil.	Perkara	Bilangan	Catatan
1	Kunci bilik		
2	Tombol pintu		
3	Panel pintu		
4	Katil		
5	Tilam		
6	Bantal		
7	Almari pakaian		
8	Kerusi pelajar		
9	Meja dan laci meja pelajar		
10	Cermin tingkap		
11	Langsir		
12	Suis lampu dan kipas		
13	Lampu kalimantang		
14	Lampu pelajar		
15	Soket 3-pin		
16	Kipas siling		

Saya mengaku bahawa semua pernyataan di atas adalah benar. Sekiranya saya didapati melaporkan perkara yang tidak benar, saya boleh didakwa di hadapan Jawatankuasa Lembaga Tatatertib Politeknik.

Saya yang benar,

.....

(Nama:)

Tarikh:.....

Diisi dalam dua salinan. Satu salinan disimpan di dalam bilik dan satu lagi dikembalikan ke pejabat Kediaman Pelajar



KOPERASI POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN PERLIS BERHAD

D/A Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
 KM 25 Lebuhraya Changlun-Kuala Perlis
 Pauh Putra, 02600
 Arau, PERLIS
 Tel : 04-9886370 / Fax : 04 - 986 7176
 Web : www.ptsscoop.com.my

NO. AKAUN BANK ISLAM MALAYSIA BHD : 09010010043155

BORANG DAFTAR ANGGOTA :

Nama Penuh:
 Program :
 No KP:
 No Pendaftaran : 18.....
 Sesi Kemasukan :
 Alamat:

 No Telefon:

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT :

Tarikh:/...../.....
 No Slip Bank/Tunai:
 Jumlah :RM
 No Ahli:
 Tanda Tangan Penerima;

**Modal Saham (RM20) + Yuran Masuk (RM5) = RM25.00
 (sudah termasuk dalam bayaran yuran pendaftaran)**

Nota: Jika sekiranya saya tidak menuntut modal saham/dividen yang diisytiharkan (apabila berhenti/menamatkan pengajian), saya bersetuju menyerahkan modal saham/dividen yang diisytiharkan kepada koperasi sebagai hasil. Sekiranya saya diterima menjadi anggota, saya akan sentiasa patuh dan terikat kepada undang-undang kecil

Saya dengan ini melantik nama berikut sebagai penama/waris :

Nama Waris:.....
 No KP :
 Alamat Waris:

 No. Tel :

PENERIMAAN BARANGAN PELAJAR BARU (Jika Berkaitan)

Sila (√) untuk ruang terima atau belum.

BIL	JENIS BARANGAN	TERIMA	BELUM	CATATAN
1	BAJU KORPORAT			
2	JAKET / BLAZER POLITEKNIK			
3	BEG GALAS			
4				

Tanda Tangan Pelajar/Anggota;

Tanda Tangan Petugas;

 Nama:
 Tarikh:

Nota: Sila simpan salinan ini untuk rujukan tuan/puan di masa hadapan.